

11/11/1997

Tidak keluar mengundi jejas usaha pilih pemimpin

Ridzuan Yop

GEORGETOWN, Isnin - Peratus pengundi yang berkurangan ketika keluar mengundi bagi kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri (Dun), Sungai Bakap, Sabtu lalu boleh menjadi aliran berbahaya jika tidak diatasi segera.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, ketika melahirkan kebimbangan itu, berkata tindakan tidak keluar mengundi pada hari pembuangan undi boleh menjejaskan usaha memilih pemimpin bagi mewakili mereka.

Samy yang juga Menteri Kerja Raya menyifatkan tindakan pengundi tidak keluar mengundi sebagai perkara yang perlu diberi perhatian serius kerana ia juga boleh menyebabkan mereka salah memilih wakil rakyat dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi.

"Aliran pengundi begini adalah bahaya dan membimbangkan kerana mereka sudah diberi hak untuk memilih wakil rakyat masing-masing, tetapi tidak berbuat demikian," katanya ketika ditemui selepas merasmikan pelancaran buku berjudul Kalung Penghargaan Dr Mahathir di Komtar, di sini petang semalam.

Sikap 'tidak apa' oleh pengundi juga adalah satu sebab mereka tidak keluar undi dan membiarkan sebahagian pengundi menentukan nasib mereka.

Dalam pilihan raya kecil Sungai Bakap itu hanya 10,594 atau 63.87 peratus pengundi daripada 16,539 pengundi berdaftar keluar mengundi, berbanding 71.91 peratus pada 1995.

Bagaimanapun, katanya, sebagai parti komponen Barisan Nasional (BN) beliau gembira dan berasa bangga dengan kejayaan calon BN memenangi kerusi Sungai Bakap dan Changkat Jering.

Beliau berkata, disebalik beberapa isu yang dihadapi kerajaan ia tidak menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap kepimpinan BN.

Sehubungan itu, katanya, kedua calon BN yang memenangi kerusi berkenaan perlu bekerja kuat dan mengenal pasti kelemahan bagi memastikan BN kembali memperolehi majoriti besar dalam pilihan raya akan datang.

Dalam pilihan raya itu, Barisan Nasional (BN) mengekalkan semula kerusi Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap (N16) dengan majoriti 1,440 undi.

Calon BN, Lai Chew Hock, 32, seorang ahli perniagaan mendapat 5,010 undi untuk mengalahkan calon DAP, Goh Kheng Huat, 34, yang memperolehi 3,570 undi dan dua calon bebas.

Calon bebas, Abu Harith Ahmad mendapat 1,758 undi, manakala K Ganesh yang yang mengumumkan menarik diri daripada pertandingan Selasa lalu memperolehi 26 undi dan kehilangan deposit. Jumlah undi rosak ialah 230 undi.

Dalam pilihan raya umum 1995, calon BN, Ooi Theng Bok mendapat 8,621 undi untuk mengalahkan calon DAP dengan majoriti 5,327.

(END)